



KEMAHIRAN PENYOALAN

**Disampaikan Oleh :
Dr. Habibah @ Artini Binti Ramlie**

Pengenalan

1. Teknik menyoal merupakan teknik yang penting dalam pengajaran guru.
2. Hampir semua proses pengajaran dan pembelajaran melibatkan penggunaan teknik menyoal.
3. Dalam set induksi, kemahiran penyoalan digunakan untuk membantu pelajar mengingat kembali pengetahuan lepas.
4. Dalam peringkat perkembangan, kemahiran penyoalan adalah untuk mencungkil fikiran pelajar.
5. Di peringkat penutup, kemahiran penyoalan digunakan untuk menilai pencapaian objektif pelajaran.
6. Kaedah *Socrates* adalah satu kaedah yang menggunakan satu siri soalan untuk membimbing pelajar menemui sesuatu kesimpulan.

Objektif Penyoalan

- Menguji pengetahuan dan kefahaman pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran pada hari tersebut di samping mendapatkan pengalaman sedia ada mereka.
- Merangsang dan mencungkil fikiran pelajar.
- Membimbing pelajar menggunakan kaedah inkuiri-penemuan untuk membuat kesimpulan atau menyelesaikan sesuatu masalah kompleks.
- Menarik perhatian pelajar supaya menumpukan perhatian kepada aktiviti pengajaran guru atau kepada sesuatu penegasan kerana mereka akan disoal selepas sesuatu aktiviti.
- Membantu pelajar untuk lebih fokus memahami pelajaran dan bersedia untuk setiap latihan yang akan diberikan.
- Menimbulkan minat dan rasa ingin tahu pelajar dengan mengemukakan soalan yang mencabar.
- Membantu pelajar mengukuhkan konsep dan kefahaman yang baru dipelajari pada peringkat akhir pelajaran.

Objektif Penyoalan

- Mengembangkan kognitif dan daya pemikiran pelajar melalui satu siri soalan terancang.
- Melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- Memberi contoh serta menggalakkan pelajar supaya berani menyoal apabila mereka ada keraguan atau kurang faham.
- Mewujudkan interaksi dua hala dan menggalakkan pelajar terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran.
- Menjalin hubungan baik di antara guru dengan pelajar melalui aktiviti soal jawab. Pelajar tidak akan menganggap guru sebagai orang asing.
- Menilai keberkesanan pengajaran guru dan pencapaian objektif pelajaran menerusi refleksi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran pada hari itu.

Prinsip Penggunaan Kemahiran Penysoalan

1. Pembentukan soalan

- Aras soalan hendaklah sesuai mengikut umur, kebolehan dan pengalaman pelajar. Contohnya menggunakan aras rendah seperti pengetahuan dan pemahaman bagi kanak-kanak prasekolah.
- Guru haruslah merancang jenis-jenis soalan yang berkaitan sebelum aktiviti pengajaran dimulakan. Contohnya soalan betul-salah atau mengisi tepat kosong dan lain-lain.
- Perkataan dan istilah yang digunakan mudah difahami oleh pelajar dan bersesuaian dengan peringkat umur.
- Bentuk soalan hendaklah diubah dari semasa ke semasa untuk menarik minat pelajar. Contohnya siapa, kenapa, bila, apa dan lain-lain lagi.
- Bentuk soalan perlu mendorong pelajar berfikir. Elakkan soalan yang mengandungi jawapan sendiri seperti '*Bumi kita berbentuk sfera yang besar, betulkah?*'
- Bentuk soalan juga haruslah ringkas, tepat dan jelas.

Prinsip Penggunaan Kemahiran Penysoalan

2. Teknik mengemukakan soalan

- Untuk menggalakkan setiap pelajar memikirkan jawapan, guru haruslah mengemukakan soalan terlebih dahulu, berhenti sekejap untuk memberi masa mereka berfikir, kemudian menyebut namanya supaya menjawab.
- Soalan perlu ditujukan kepada seluruh kelas dan bukan kepada pelajar cerdas sahaja. Elakkan memberi soalan mengikut susunan tempat duduk pelajar dalam kelas.
- Untuk memastikan semua pelajar mengambil perhatian terhadap jawapan yang diberi oleh seorang pelajar, guru boleh memanggil seorang pelajar lain mengulang jawapan pelajar itu.
- Untuk menarik perhatian pelajar, guru hanya menyebut soalan sekali sahaja dengan syarat sebutan guru cukup lantang dan jelas didengar oleh semua pelajar. Pastikan juga semua pelajar telah bersedia mendengar soalan guru.

Prinsip Penggunaan Kemahiran Penysoalan

3. Penerimaan jawapan pelajar

- Pujian hendaklah diberikan kepada pelajar yang telah memberi jawapan yang betul untuk menggalakkan pelajar berusaha memberi jawapan dengan baik.
- Elakkan amalan mengulangi jawapan pelajar. Ini akan menggalakkan pelajar lain tidak memperdulikan jawapan yang diberi oleh pelajar.
- Jika jawapan yang diberi adalah baik dan penting, minta pelajar lain mengulangi jawapan itu.
- Jika jawapan kurang lengkap, minta pelajar lain melengkapkannya atau guru boleh memberi maklumat kepada jawapannya.
- Jika pelajar tidak boleh menjawab, guru boleh mengubah aras soalan ke peringkat yang lebih rendah atau memberi petunjuk yang berkaitan.

Prinsip Penggunaan Kemahiran Penyyoalan

3. Penerimaan jawapan pelajar

- Guru hendaklah melarang pelajar memberi jawapan secara beramai-ramai. Memberi jawapan secara beramai-ramai bukanlah tujuan menyoyal.
- Elakkan diri daripada mengejek pelajar yang memberi jawapan salah atau jawapan bersifat bodoh. Ini untuk mendorong pelajar supaya sentiasa berusaha dan cuba menjawab soalan guru.

Komponen Kemahiran Penysoalan

| | |
|--|-------------------------------------|
| Pembentuk soalan (jelas, ringkas dan tepat) | Hentian yang sepatutnya |
| Fokus kepada satu idea | Melayani jawapan dengan baik |
| Fokus kepada pelbagai idea | Memberi petunjuk atau tips |
| Sebaran ke seluruh kelas | Mencungkil fikiran pelajar |

Penyoalan Mencungkil Fikiran

- Kemahiran ini digunakan untuk mencungkil fikiran pelajar sehingga mereka memberi satu jawapan yang tepat dan sempurna.
- Tujuan menggunakan kemahiran ini ialah untuk membantu pelajar berfikir secara mendalam supaya memahami sesuatu fakta, konsep, hukum atau dengan lebih jelas lagi.
- Kemahiran menggunakan soalan untuk mencungkil fikiran pelajar boleh dijalankan dengan menyediakan beberapa soalan yang berkenaan serta berkaitan, kemudian mengemukakan soalan-soalan itu mengikut susunan yang sesuai.

Aras Penyoalan

1. Pengetahuan

- Peringkat ini menguji kebolehan calon mengingat kembali fakta asas, istilah, maksud, hukum, definisi, tarikh, tempat dan nama yang telah dipelajari.
- Perkataan yang biasanya digunakan dalam soalan peringkat pengetahuan ialah namakan, berikan, nyatakan, terangkan, senaraikan, siapa, apa, bila, di mana dan sebagainya.
- Contoh :
 - a) Berikan definisi 'mumayyiz'?
 - b) Senaraikan 3 langkah menjaga harta benda awam.
 - c) Siapakah khalifah pertama yang menggantikan Rasulullah ?

Aras Penyoalan

2. Kefahaman

- Peringkat ini menguji kebolehan cara menterjemah, memahami dan menginterpretasikan fakta asas, konsep, prinsip atau bahan yang telah dipelajari.
- Perkataan yang biasanya digunakan dalam soalan berperingkat kefahaman ini ialah : terangkan, huraikan, ringkaskan, nyatakan, tukarkan, tuliskan, jelaskan, mengapa dan sebagainya.
- Contoh :
 - a) Huraikan maksud zakat fitrah.
 - b) Mengapakah seseorang itu perlu berpuasa ?
 - c) Ringkaskan peristiwa Gerakan ar-Riddah.

Aras Penyoalan

3. Aplikasi

- Peringkat aplikasi menguji kebolehan pelajar menggunakan fakta asas, konsep, prinsip dan kemahiran yang telah dipelajari untuk menyelesaikan masalah.
- Perkataan yang biasanya digunakan ialah bagaimana, selesaikan, carikan, kirakan, gunakan, huraikan, dan sebagainya.
- Contoh :
 - a) Bagaimana kita boleh mengenali kedudukan hukum mad ja'iz munfasil dengan betul?
 - b) Dengan menggunakan kaedah inkuiri-penemuan, terangkan bagaimana anda membimbing pelajar anda memahami ciri- ciri debu tanah yang suci.
 - c) Kirakan kadar zakat ternakan bagi kambing.

Aras Penyoalan

4. Analisis

- Peringkat ini menguji kebolehan pelajar membuat perbandingan dan menghuraikan faktor-faktor perbezaan, kesamaan dan perhubungan.
- Perkataan yang biasanya digunakan dalam soalan peringkat ini ialah bandingkan, bezakan, menganalisiskan, mencerakinkan, mengasingkan, membahagikan, dan sebagainya.
- Contoh :
 - a) Bezakan tuntutan dalam sunat ab'ad dan sunat hai'ah.
 - b) Yang manakah lebih sesuai digunakan untuk menunaikan zakat fitrah : beras atau wang tunai? Mengapa?
 - (c) Bandingkan ganjaran solat bersendirian dan solat berjemaah.

Aras Penyyoalan

5. Sintesis

- Peringkat sintesis ini menguji kebolehan pelajar dalam menggabungkan, mengintegrasikan atau mencantumkan idea-idea serta mentafsirkan dan merumuskan hasil yang dianalisis melalui prinsip induksi atau deduksi.
- Perkataan yang biasanya digunakan dalam peringkat sintesis ini adalah rumuskan, membuat keputusan, membuat kesimpulan, bentukkan, ciptakan, rekakan, gubahkan, integrasikan, gabungkan, dan sebagainya.
- Contoh :
 - a) Gubahkan satu teks khutbah Jumaat.
 - b) Dengan menggunakan kaedah induksi, rumuskan hukum meminum tuak.
 - c) Bincangkan unsur patriotisme yang boleh dipertimbangkan dalam Falsafah Pendidikan Islam.

Aras Penyoalan

6. Penilaian

- Peringkat ini adalah peringkat yang tertinggi dan digunakan untuk menguji kebolehan pelajar dalam membuktikan, mengesahkan, memberi pendapat atau hujah, mengkritik, memberi komen dan menilai sesuatu kenyataan, ciptaan, karya, prinsip, teori dan sebagainya.
- Contoh :
 - a) Hujahkan kepentingan peristiwa pembukaan Kota Mekah.
 - b) Buktikan ibadah qiamullail itu membantu dalam meningkatkan produktiviti seorang insan.
 - c) Perpaduan umat Islam akan hancur jika mengabaikan solat berjemaah. Nilaikan.

Kemahiran Penyoalan dalam Pengajaran Mikro

- Di dalam aktiviti pengajaran mikro, aras-aras kemahiran penyoalan biasanya digunakan sampai ke peringkat analisis sahaja.
- Peringkat sintesis dan penilaian tidak sesuai digunakan bagi pelajar yang memberi jawapan secara lisan memandangkan kebanyakan soalan berbentuk divergen, kecuali untuk membincangkan sesuatu.
- Lazimnya penyoalan konvergen, iaitu fokus soalan yang menumpukan kepada satu idea digunakan bersama dengan aras-aras kemahiran penyoalan.
- Semasa merancang aktiviti pengajaran mikro berasaskan kepada kemahiran penyoalan, guru pelatih hendaklah menyediakan berbagai-bagai jenis soalan seperti konvergen dan soalan divergen mengikut beberapa aras kemahiran penyoalan yang boleh mencungkil fikiran pelajar.

Kesan Kemahiran Penysoalan

- Melalui aktiviti soal jawab, pelajar- pelajar akan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran mereka.
- Minat pelajar terhadap pelajaran akan bertambah dan mendorong mereka memberi perhatian terhadap aktiviti pengajaran guru. Kesannya pelajar dapat belajar sesuatu dengan lebih menyeluruh dan berkesan.
- Daya pemikiran pelajar dapat dikembangkan kepada tahap yang lebih tinggi.
- Soalan yang menguji pengetahuan lepas pelajar membantu guru merancang aktiviti pengajaran yang sesuai berdasarkan jawapan pelajar. Kesannya pelajar dapat mengikuti pelajaran dengan lebih bermakna dan mudah difahami.
- Soalan yang digunakan sebagai aktiviti penilaian akan membolehkan guru mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar. Kesannya ia akan membolehkan guru merancang aktiviti pengayaan, pemulihan atau aktiviti pengajaran yang selanjutnya dengan lebih berkesan.

Kesan Kemahiran Penyooalan

- Melalui aktiviti soal jawab, perhubungan guru dan pelajar dapat dijalin dengan baik. Pelajar akan menyukai pengajaran guru dan tidak merasa segan atau malu untuk bertanya kepada guru apabila mereka menghadapi masalah dalam pembelajaran.
- Penyooalan membantu pelajar mengulang kaji pelajaran untuk meningkatkan prestasi mereka dalam peperiksaan.
- Penyooalan dapat membantu pelajar mengukuhkan konsep-konsep yang baru yang dipelajari.

Kesimpulan

1. Guru juga harus cuba menggunakan teknik penyoyal mengikut prinsip-prinsip serta komponen-komponen kemahiran penyoyal.
2. Kemahiran penyoyal penting untuk dikuasai kerana ia menghasilkan banyak kesan yang positif dalam menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran.



SEKIAN